

**SOALAN NO: 20****PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat]

**TARIKH** : 2 Ogos 2017 (Rabu)

**SOALAN** : Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan mutakhir industri kelapa negara daripada segi keluasan hektar, jumlah keluarga tani yang bergantung kepadanya dan nilai ringgit yang disumbangkan kepada ekonomi negara. Apakah cabaran-cabaran utama yang perlu ditangani untuk menjadikan industri kelapa keempat terbesar selepas sawit, getah dan padi.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2016, keluasan tanaman kelapa di Malaysia adalah 84,608.7 hektar yang mana 55,251.3 hektar adalah di Semenanjung Malaysia manakala 29,357.4 hektar adalah di Sabah, Sarawak dan Labuan. Anggaran jumlah keluarga tani yang bergantung kepada tanaman kelapa di Malaysia bagi tahun 2016 adalah sebanyak 70,506 yang mana 46,042 keluarga tani adalah di Semenanjung Malaysia manakala 24,464 keluarga tani adalah di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Pengeluaran kelapa negara pada tahun 2016 adalah sebanyak 526 juta biji iaitu 88 peratus daripada keperluan negara sebanyak 596 juta biji setahun. Kekurangan bekalan ini ditampung melalui import yang mana secara purata pada tahun 2016, negara mengimport lebih kurang 136 juta biji kelapa untuk jualan segar atau diproses. Pada tahun 2016, nilai eksport yang disumbangkan kepada ekonomi negara hasil daripada aktiviti nilai tambah produk kelapa adalah sebanyak RM96.55 juta.

Antara cabaran-cabaran utama yang perlu ditangani dalam membangunkan industri kelapa adalah :

- a) Persaingan dengan tanaman industri lain yang lebih menguntungkan serta penukaran kawasan tanaman kelapa kepada pembangunan perumahan dan premis perniagaan;
- b) Kekurangan dan kesukaran mendapatkan benih hybrid kelapa yang berhasil tinggi seperti Matag akibat kekurangan tapak untuk *seed garden*, kekurangan pengeluar benih swasta yang berminat serta peruntukan yang terhad bagi pengeluaran benih varieti berhasil tinggi;
- c) Kos pengeluaran kelapa yang meningkat meliputi kos pembangunan, penyelenggaraan, bahan input, benih, tenaga kerja dan luar jangka misalnya kos pengeluaran kelapa MATAG telah meningkat daripada RM5,577 sehektar pada tahun 2011 kepada RM6,566 sehektar pada tahun 2015; dan
- d) Produktiviti yang rendah iaitu sekitar 3,000 biji/ha/tahun akibat saiz kebun yang kecil iaitu antara 1 hingga 2.5 hektar berbanding dengan pencapaian sektor estet bagi varieti yang sama, iaitu sekitar 9,000 – 10,000 biji/ha/tahun. Saiz kebun kecil dan produktiviti yang rendah menyebabkan pendapatan juga rendah bagi pekebun kecil kelapa negara.

## SOALAN ( 21 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 OGOS 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH  
[SABAK BERNAM]

## SOALAN :-

**YB Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan setakat manakah Program Kejiranan Indah telah dilaksanakan di kawasan kediaman dan perumahan serta langkah Kerajaan bagi memantau aktiviti negatif di kawasan kediaman berisiko tinggi terutama Projek Perumahan Rakyat (PPR).**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Kejiranan Indah atau lebih dikenali sebagai *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) merupakan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (NBOS 7) yang diperkenalkan pada Jun 2012. MyBN mempunyai 2 program utama iaitu Membaik Pulih Perumahan Awam dan Membina Semula Rumah Terbakar dan Rumah Usang (*House Build*).

Bermula dari Jun 2012 sehingga 2016, KPKT telah melaksanakan MyBN ini di **210 lokasi** seluruh negara iaitu:-

- a) **74 perumahan awam kos rendah** telah dibaik pulih untuk menangani masalah dihadapi penduduk iaitu kemudahan infrastruktur serta persekitaran yang tidak terurus, suram dan kotor yang telah menjejaskan kualiti hidup rakyat; dan

- b) **136 rumah terbakar atau rumah usang (*house build*)** bagi golongan miskin telah dibina semula oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Pada tahun 2017, program ini akan diperluaskan ke 146 lokasi iaitu 4 perumahan kos rendah dan 42 projek membina semula rumah terbakar dan rumah usang (*House Build*) serta 100 projek membaiki rumah golongan miskin (*house repair*) oleh JBPM. Pelaksanaan MyBN yang pantas telah memberi impak positif dan manfaat segera kepada rakyat.

Sebagai suntikan tambahan untuk memantapkan lagi serta menjamin *sustainability* inisiatif ini maka Program Transformasi Sosial (PTS) telah diperkenalkan dan telah dilaksanakan di 26 lokasi mulai tahun 2014 sehingga 2016. Pada tahun ini, sebanyak 10 lokasi telah dikenalpasti untuk dilaksanakan PTS. PTS dilaksanakan di lokasi perumahan yang telah dibaik pulih secara fizikal atau telah dibuat transformasi fizikal. Antara objektif PTS adalah :

- i. mewujudkan satu mekanisma kejuranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program serta aktiviti yang dijalankan;
- ii. mewujudkan nilai kebertanggungjawaban dan kepunyaan (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan dan keindahan;
- iii. memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejuranan yang sejahtera, baik dari fizikal, mental dan sosial; dan
- iv. menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program / aktiviti kesukarelawan.

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, program-program Kementerian seperti Bomba Komuniti, Bandar Selamat, *Communication for Behavioural Impact (COMBI)* atau komunikasi untuk perubahan tingkah laku, Komuniti 3R dan Rakan Taman dilaksanakan di lokasi NBOS dengan melantik ahli

atau pasukan yang terdiri daripada komuniti setempat bagi setiap program tersebut. Ahli atau pasukan tersebut diberi taklimat dan latihan bagi melaksanakan program secara berterusan dan mampan. Ahli atau pasukan tersebut menjadi penggerak kepada komuniti setempat untuk turut bersama-sama mengambil tanggungjawab menjaga dan memelihara kawasan setempat dari segi keselamatan, kebersihan, kesihatan dan keindahan. Semangat kemuafakatan ini melahirkan kejiwaan sosial yang sihat dan sejahtera.

Pelaksanaan PTS mendapat sambutan yang baik dari segi penyertaan penduduk. Dengan adanya Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), yang berperanan sebagai jentera transformasi sosial dapat meningkatkan lagi penglibatan penduduk dalam pelaksanaan PTS dan aktiviti kesukarelawan.

Program Bandar Selamat di bawah PTS menyediakan langkah-langkah untuk mempertingkatkan keselamatan kawasan kediaman dengan penyediaan tempat letak motosikal berkunci dan pemasangan papan tanda talian kecemasan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penyediaan tempat letak



motosikal berkunci mampu mengurangkan kes kecurian motosikal, manakala penyediaan papan tanda talian kecemasan adalah merupakan satu kaedah untuk memendekkan tempoh masa respon PDRM apabila berlakunya sesuatu kes jenayah. Komponen ini menggunakan peruntukan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah. Rondaan keselamatan yang dilaksanakan di bawah MyBN mempunyai keunikannya tersendiri kerana rondaan ini melibatkan kerjasama yang padu diantara pihak Rukun Tetangga, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan PDRM bagi menjaga keselamatan persekitaran di kawasan perumahan awam.

Selain itu, bagi mengurangkan kadar jenayah, Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang dibangunkan oleh PlanMalaysia bersama pihak KDN telah digunapakai oleh pihak PDRM bagi merekodkan kawasan jenayah berisiko tinggi dan maklumat jenayah dalam bentuk statistik.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan